

BETAMOX CAPSULE/GRANULE

Amoxicillin Trihydrate (250mg, 500mg, 125mg/5ml, 250mg/5ml)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan BETAMOX
2. Bagaimana BETAMOX berfungsi
3. Sebelum menggunakan BETAMOX
4. Cara menggunakan BETAMOX
5. Semasa menggunakan BETAMOX
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan BETAMOX
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RIMUP

Apakah kegunaan BETAMOX

Amoxicillin ialah antibiotik yang digunakan untuk merawat jangkitan disebabkan oleh bakteria pada bahagian tertentu badan. Ini termasuklah :

- Kulit dan struktur kulit
- Respiratori
- Saluran kencing dan genital
- Gonorrhoea (Penyakit kelamin)
- Pencegahan untuk jangkitan jantung

Doktor anda mungkin mempreskripsikan BETAMOX untuk tujuan lain. Tanya doktor anda sekiranya anda mempunyai sebarang soalan tentang sebab BETAMOX dipreskripsikan kepada anda.

Bagaimana BETAMOX berfungsi

Amoxicillin merupakan antibiotik yang tergolong dalam kumpulan ubat yang dikenali sebagai penicillin.

Antibiotik ini bertindak dengan membunuh bakteria yang menyebabkan jangkitan.

Sebelum menggunakan BETAMOX

- Bila tidak boleh menggunakan

Jangan mengambil BETAMOX jika anda alah kepada

- amoxicillin,
- penicillin atau cephalosporin yang lain
- sebarang kandungan yang disenaraikan pada bahagian akhir risalah ini.

Sesetengah simptom reaksi alahan termasuklah ruam kulit, gatal-gatal, sesak nafas, bengkak pada muka, bibir atau lidah.

Jangan menggunakan BETAMOX jika:

- Pembungkusan terkoyak atau menunjukkan tanda salahguna
- Jangan menggunakan selepas tarikh luput seperti yang dicetak pada botol atau kotak.
- Jika anda tidak pasti sama ada anda harus mula mengambil BETAMOX hubungi doktor atau ahli farmasi anda

- Sebelum menggunakan BETAMOX

Beritahu doktor anda jika anda pernah mengalami reaksi alahan terhadap sebarang antibiotik sebelum ini.

Beritahu doktor anda jika anda mempunyai alahan terhadap sebarang ubat lain, makanan atau pengawet.

Beritahu doktor anda jika anda mempunyai atau pernah mengalami sebarang masalah kesihatan seperti yang berikut:

- masalah darah seperti leukemia
- masalah hati
- masalah buah pinggang
- demam kelenjar (mononucleosis)
- sejarah cirit-birit yang dikaitkan dengan penggunaan antibiotik.

Amoxicillin pediatrik drops dan sirap *sugar free* mengandungi natrium benzoate.

Beritahu doktor anda jika anda hamil atau bercadang untuk hamil atau menyusukan bayi. Doktor anda akan berbincang dengan anda mengenai risiko dan manfaat mengambil ubat ini.

Jika anda belum memberitahu doktor anda tentang mana-mana perkara di atas, beritahunya sebelum anda mula mengambil BETAMOX.

- Jika mengambil ubat-ubatan lain

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda sedang mengambil ubat lain, termasuklah sebarang ubat yang anda beli tanpa preskripsi daripada farmasi, pasaraya atau kedai makanan kesihatan.

Sesetengah ubat dan BETAMOX boleh bertindak balas satu sama lain. Anda mungkin perlu mengambil ubat anda dalam jumlah yang berlainan atau anda mungkin perlu mengambil ubat yang berlainan.

Doktor dan ahli farmasi anda mempunyai lebih banyak maklumat tentang ubat lain yang perlu diberi perhatian atau dielakkan semasa anda mengambil BETAMOX.

Cara menggunakan BETAMOX

Patuhi semua arahan yang diberikan oleh doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti.

Arahan-arahan ini mungkin berbeza daripada informasi yang terkandung dalam risalah ini.

Sekiranya anda tidak faham arahan pada pek, tanya doktor atau ahli farmasi anda.

- Berapa banyak harus digunakan

Dos berbeza dari seorang ke seorang.

Doktor akan memberitahu anda berapa banyak diperlukan setiap hari dan bila untuk mengambilnya. Ini bergantung kepada keadaan anda dan jika anda mengambil sebarang ubat-ubatan lain.

Jika anda mempunyai penyakit buah pinggang, doktor anda mungkin akan mencadangkan dos yang lebih rendah.

- Bila perlu digunakan

Ambil ubat anda pada masa yang sama setiap hari.

Mengambil setiap dos BETAMOX pada masa yang sama setiap hari akan memberi kesan terbaik. Ia juga akan membantu anda mengingati masa mengambil ubat.

Ia boleh diambil bersama atau tanpa makanan.

- Berapa lama perlu digunakan

Ambil BETAMOX secara berterusan sehingga pek ini habis atau seperti yang diarahkan oleh doktor anda.

- Jika terlupa menggunakan

Jika sudah dekat waktu dos seterusnya, tinggalkan dos yang terlupa dan ambil dos seterusnya mengikut jadual biasa.

Jika tidak, ambil dos yang tertinggal sebaik sahaja anda teringat dan kemudian kembali mengambil ubat anda seperti biasa.

Jangan gantikan dos untuk menggantikan dos yang terlupa.

Jika anda sukar mengingati masa untuk mengambil pil anda, minta petua daripada ahli farmasi anda.

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Jika anda fikir anda atau orang lain mungkin terlebih mengambil BETAMOX, hubungi doktor anda untuk mendapatkan nasihat atau pergi ke bahagian kecemasan hospital yang terdekat dengan segera.

Ini mesti dilakukan walaupun tiada tanda ketidakselesaian atau keracunan.

Anda mungkin memerlukan rawatan perubatan dengan segera.

Setengah simptom terlebih dos termasuklah:

- Rasa loya
- Muntah-muntah
- Cirit-birit

Semasa menggunakan BETAMOX

- Perkara yang perlu dilakukan

Beritahu semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang sedang merawat anda bahawa anda sedang mengambil BETAMOX.

Jika simptom jangkitan anda tidak bertambah baik dalam beberapa hari, atau jika ia menjadi lebih buruk, beritahu doktor anda.

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami cirit-birit teruk. Ini mestilah dilakukan walaupun ia berlaku beberapa minggu selepas BETAMOX dihentikan.

Cirit-birit boleh bermakna anda mengalami keadaan yang serius yang menjejaskan usus anda. Anda mungkin memerlukan rawatan perubatan dengan segera. Jangan mengambil sebarang ubat cirit-birit tanpa memeriksa dengan doktor anda terlebih dahulu.

Jika anda perlu untuk menguji air kencing anda untuk gula, pastikan doktor tahu jenis ujian yang anda gunakan. Betamox boleh menjejaskan keputusan sebahagian daripada ujian ini.

Jika anda hamil semasa anda mengambil BETAMOX beritahu doktor anda dengan segera.

Jika anda akan mula mengambil sebarang ubat baru, beritahu doktor dan ahli farmasi anda bahawa anda sedang mengambil BETAMOX.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti mengambil BETAMOX jika keadaan anda bertambah baik, melainkan dinasihati oleh doktor anda.

Jika anda tidak menghabiskan semua ubat yang dipreskripsikan oleh doktor anda, semua bakteria yang menyebabkan jangkitan anda mungkin tidak dibunuh. Bakteria ini akan terus membiak dan bertambah menyebabkan jangkitan anda tidak pulih sepenuhnya atau ia mungkin kembali.

Jangan mengambil BETAMOX untuk merawat sebarang masalah lain melainkan diarah oleh doktor anda.

Jangan beri ubat anda kepada orang lain, walaupun mereka mengalami keadaan yang sama seperti anda.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Berhati-hati apabila memandu atau mengendalikan mesin sehingga anda tahu bagaimana BETAMOX mempengaruhi anda.

BETAMOX mungkin menyebabkan keletihan atau rasa pening di kalangan sesetengah orang. Pastikan anda tahu bagaimana anda bertindak balas terhadap BETAMOX sebelum anda memandu kereta atau melakukan apa-apa yang boleh membahayakan jika anda terkejut.

Kesan-kesan sampingan

Semua ubat boleh membawa kesan sampingan. Kadang kala kesan sampingan ini serius, tetapi selalunya tidak.

Minta nasihat doktor atau ahli farmasi anda jika anda mempunyai sebarang kebimbangan mengenai kesan mengambil ubat ini.

Jangan kkuatir dengan senarai ini. Anda mungkin tidak mengalami sebarang kesan sampingan tersebut.

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda mengalami sebarang kesan sampingan berikut yang membimbangkan anda:

- cirit-birit
- ruam kulit
- gatal-gatal
- sakit perut
- sukar atau sakit semasa buang air kecil
- hipersensitif
- pening atau sawan
- hyperkinesia (pergerakan yang tidak normal yang berlebihan)

Amoxycillin boleh menyebabkan alahan kulit yang teruk. Gejala boleh termasuk ruam kulit, lepuh dan mengelupas. Ini boleh menjadi tanda-tanda keadaan serius. Jika tindak balas ini berlaku, hentikan penggunaan dan dapatkan bantuan perubatan dengan segera.

Beritahu doktor anda jika anda mendapati apa-apa yang membuatkan anda rasa tidak sihat. Kesan sampingan lain yang tidak disenaraikan di atas mungkin berlaku di kalangan sesetengah pesakit.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-7883 5549, atau laman web npra.moh.gov.my (Consumer Reporting -> Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)).

Betamox boleh menyebabkan alergik yang teruk dan kesan serius pada kulit.

Berhenti menggunakan BETAMOX dan dapatkan nasihat doktor segera jika anda mengalami sebarang kesan berikut.

- Simptom: kulit kemerahan, blisters, ruam, demam, sakit tekak atau mata berair
- Kesan alergik yang teruk seperti *Drug Reaction with Eosinophilia dan Systemic Symptoms (DRESS)*. *DRESS* timbul apabila simptom ruam pada muka dan kemudian ruam berterusan, suhu tinggi dan pembesaran nodus limfa.

Cara penyimpanan dan pelupusan BETAMOX

- Penyimpanan

Simpan ubat anda dalam peknyanya sehingga tiba masa untuk mengambilnya.

Jika anda mengeluarkan ubat daripada peknyanya, ia mungkin tidak dapat dikekalkan dalam keadaan yang baik.

Simpan ubat anda di tempat suhu bawah 30°C. Lindungi daripada cahaya.

Untuk persediaan granul, selepas dibancuh, simpan di antara 2 hingga 8°C.

Untuk persediaan granul, untuk digunakan dalam masa 7 hari selepas pencampuran. Keluarkan botol dari saku aluminium bila hendak digunakan.

Jangan simpan BETAMOX atau ubat lain dalam bilik mandi atau dekat sinki.

Jangan tinggalkan ubat di atas unjuran tapak tingkap atau dalam kereta.

Haba dan kelembapan boleh merosakkan sesetengah ubat.

Simpan di tempat yang tidak boleh dicapai oleh kanak-kanak.

Almari yang berkunci sekurang-kurangnya satu setengah meter dari aras lantai ialah tempat yang sesuai untuk menyimpan ubat.

- Pelupusan

Jika doktor atau ahli farmasi anda mengarahkan anda berhenti mengambil BETAMOX atau ubat ini sudah melepasi tarikh luputnya, sila tanya ahli farmasi anda apa yang patut dilakukan dengan sebarang ubat yang tinggal.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

BETAMOX CAPSULE
250MG

- Kapsul bersaiz 2, berwarna kelabu/kuning dengan tanda 'DUO 861'.

BETAMOX CAPSULE
500MG

- Kapsul bersaiz 0, berwarna kelabu/kuning dengan tanda 'DUO 861'.

BETAMOX GRANULE
125MG/5ML

- Granul putih, selepas dibancuh membentuk sirap berwarna putih.

BETAMOX GRANULE
250MG/5ML

- Granul putih, selepas dibancuh membentuk sirap berwarna putih.

- Bahan-bahan kandungan

Bahan aktif:

- *Amoxicillin trihydrate*

Bahan tidak aktif:
BETAMOX CAPSULE
250MG

- *Lactose*
- *Magnesium stearate*

BETAMOX CAPSULE
500MG

- *Lactose*
- *Magnesium stearate*

BETAMOX GRANULE
125MG/5ML

- *Polyvinylpyrrolidone*
- *Mint flavour*
- *Sodium citrate*
- *Sodium saccharin*
- *Strawberry flavour*
- *Sodium carboxymethylcellulose*
- *Silicon dioxide*
- *Sucrose*

BETAMOX GRANULE
250MG/5ML

- *Polyvinylpyrrolidone*
- *Mint flavour*
- *Sodium citrate*
- *Sodium saccharin*
- *Strawberry flavour*
- *Sodium carboxymethylcellulose*
- *Silicon dioxide*
- *Sucrose*

- Nombor MAL

BETAMOX CAPSULE
250MG
MAL19890329AZ

BETAMOX CAPSULE
500MG
MAL19890330AZ

BETAMOX GRANULE
125MG/5ML
MAL19890246AZ

BETAMOX GRANULE
250MG/5ML
MAL19890247AZ

Pengilang

Duopharma (M) Sdn. Bhd.
Lot. 2599, Jalan Seruling 59,
Kawasan 3, Taman Klang Jaya,

41200 Klang, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

Pemegang Pendaftaran Produk

Duopharma (M) Sdn. Bhd.
Lot. 2599, Jalan Seruling 59,
Kawasan 3, Taman Klang Jaya,
41200 Klang, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

Tarikh kemaskini RIMUP
20/06/2019

Nombor Siri:
NPRA(R2/1)190128/32